

Pendekatan Islam tangani autisme

Bentuk perilaku seksual autisme

- Masturbasi
- Menyentuh orang lain secara tidak sopan
- Menanggalkan pakaian di khalayak ramai
- Kecelaruan seksual
- Kecelaruan identiti jantina

Cara mengatasi perilaku seksual autisme

- Fahami gerak-geri dan tingkah laku
- Membiasakan anak dengan menghafal al-Quran atau belajar bidang agama
- Pantau pergaulan anak-anak
- Kawal dan kenali sikap anak
- Beri didikan dan fahaman sejak kecil

Cara mengurangkan kecenderungan perilaku seksual autisme

- Tidak menonton filem berunsur ganas dan ghairah
- Hindar pergaulan bebas
- Tidak membaca bahan bacaan merangsang seksualiti
- Pisahkan tempat tidur anak lelaki dan perempuan sejak kecil
- Tidak boleh bermain permainan video berunsur ganas
- Elak menyentuh anggota badan yang sensitif
- Pilih rakan yang baik

KEBANYAKAN ibu bapa atau penjaga yang terlibat dengan pengurusan golongan autisme, memandikan anak adalah cara yang paling sering dilakukan saat mereka dirangsang seksual, kerana tidak memudaratkan malah dapat mengurangkan rasa rangsangan berkenaan.

Selain itu, masturbasi (onani) pula dilihat antara kaedah paling sering digunakan dan disarankan oleh pengkaji Barat kerana ia kaedah paling mudah dalam menguruskan keinginan seksual golongan berkenaan.

Pun begitu, cara itu bukan cara terbaik terutama untuk umat Islam dalam menangani masalah berkaitan seksual sama ada untuk orang tipikal (normal) mahupun orang kurang upaya (OKU).

Ini kerana kata Pensyarah Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya

sihat

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI

airunnisa.alau@utusan.com.my



■ Rencana terakhir daripada empat siri rencana bertajuk Dilema Seksual Golongan Autisme.

Dr. Fariza Md. Sham, masturbasi hanya mengurangkan rasa rangsangan seksual untuk tempoh jangka masa pendek, sedangkan kesan jangka masa panjangnya lebih memudaratkan kerana boleh menyebabkan ketagihan.

"Masturbasi bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian kerana ibu bapa dan penjaga perlu kembali kepada fitrah agama, iaitu mendekati diri dengan ilmu agama dan al-Quran sebagai satu cara menyucikan diri.

"Zikir, membaca al-Quran, solat sunat dan menghafal ayat suci al-Quran merupakan antara kaedah yang harus diberikan pendedahan kepada anak-anak autisme sejak kecil bagi mendidik hati mereka.

"Anak-anak autisme lazimnya mempunyai keistimewaan, iaitu gemar melakukan perkara yang sama secara berulang-ulang. Justeru, bayangkan jika mereka diajar dengan berzikir, membaca dan menghafal ayat al-Quran dan mereka akan melakukan perkara sama," jelasnya.

Kaedah berkenaan telah dibuktikan apabila Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan Faqeh) berjaya mendidik anak-anak autisme di yayasan



DR. FARIZA MD. SHAM menunjukkan buku *Menangani Masalah Remaja Autisme (Sorotan Kaca Mata Syariah)*.

berkenaan dengan pengajian al-Quran.

Ini kerana, pendekatannya sangat mudah iaitu menyibukkan diri mereka dengan aktiviti menghafal dan menelaah al-Quran beramai-ramai, selain mengajar tentang adab-adab yang harus mereka fahami.

Dalam pada itu, Dr. Fariza mengakui, kaedah yang berteraskan pembelajaran al-Quran kurang diketahui umum dan tidak diyakini kebanyakan ibu bapa dalam menyelesaikan masalah keinginan seksual golongan tersebut.

Antara puncanya mungkin disebabkan faktor tidak mengetahui atau tidak popular.

Tambah beliau, walaupun anak-anak autisme dikategorikan dalam golongan OKU, terdapat tahap tertentu mereka masih boleh memahami arahan dan



DIDIK anak-anak autisme mendekati al-Quran bagi memudahkannya menguruskan emosi termasuk dari aspek rangsangan seksual. - GAMBAR HIASAN

Anak-anak autisme mempunyai keistimewaan, iaitu gemar melakukan perkara yang sama secara berulang-ulang. Bayangkan jika mereka diajar dengan berzikir, membaca dan menghafal ayat al-Quran dan mereka akan melakukan perkara sama."

boleh melaksanakan ibadat seperti biasa dengan tunjuk ajar serta panduan.

Ini khususnya bagi autisme sederhana.

"Anak-anak yang mengalami autisme perlu diberi didikan adab, apa yang boleh dan tidak boleh sejak usia mereka kecil lagi. Perlu beri tahu berulang kali dan mereka akan faham.

"Misalnya, anak autisme perempuan, kita beri tahu tentang aurat yang perlu dijaga dan dengan siapa mereka boleh bersentuhan.

"Jangan anggap mereka tidak faham tentang adab dan membiarkan sahaja tidak berilmu. Melalui ilmu yang mereka ada itu dapat mengurangkan rangsangan seksual dan tingkah laku tantrum tanpa kita sedar," ujarnya.

Dr. Fariza merupakan salah seorang daripada lima penulis buku, *Menangani Masalah Remaja Autisme (Sorotan Kaca Mata Syariah)*, yang antara lain

membahaskan permasalahan anak-anak autisme daripada perspektif Islam.

Kupasan tersebut merangkumi kedudukan autisme dalam pelaksanaan ibadat, peranan ibu bapa dalam mendidik, panduan ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme, serta tata cara menguruskan diri anak autisme.

Menurut beliau, buku terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. itu, turut memuatkan tatacara mandi wajib remaja lelaki dan perempuan, pengurusan diri ketika haid, pengurusan diri ketika keluar air mani, tatacara berwuduk dan solat, puasa, pengurusan emosi ibu bapa, serta cara mengurangkan kecenderungan perilaku seksual.

Panduan berkenaan ditulis dalam bentuk tulisan mudah serta menggunakan kaedah gambar berwarna yang boleh menarik minat remaja membaca serta merujuk buku berkenaan.

"Ibu bapa serta guru-guru yang menjaga anak-anak autisme perlu mendapatkan ilmu tentang pengurusan keinginan seksual remaja autisme dengan jelas dan betul agar memudahkannya.

"Dalam mendekati remaja autisme, teknik dan kaedah yang sesuai perlu digunakan terutama melibatkan pengurusan emosi, yang mereka sendiri sukar fahami apatah lagi untuk memahami emosi orang lain.

"Justeru, ibu bapa serta penjaga yang perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu pengurusan seksual golongan tersebut," jelasnya.

AUTISM

